

27 JUL 2002

Mahathir-Perpaduan

PUAK EKSTRIM YANG GALAKKAN PERPISAHAN ANTARA KAUM SANGAT BAHAYA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Puak ekstrimis daripada semua bangsa yang menggalakkan perpisahan kaum amat berbahaya kepada negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata golongan ini akan menentang apa saja usaha untuk mendekatkan kaum-kaum di Malaysia dan berharap generasi muda terutamanya dipisah jauh supaya tidak ada langsung interaksi antara mereka.

"Bangunan sekolahpun tidak boleh dekat," katanya ketika berucap pada perhimpunan agung tahunan MCA yang ke-49 di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Sebenarnya, kata Dr Mahathir, pengasingan antara kaum di kalangan generasi muda sekarang sudah menjadi lebih luas dan jauh walaupun generasi dewasa telah dapat bercampur gaul dan dengan itu dapat memahami cara-cara mengelak daripada membuat atau memperkata sesuatu yang menyentuh sensitiviti kaum lain.

"Adalah di khawatiri generasi akan datang mungkin tidak dapat bergaul dan tidak dapat bersikap sensitif (seperti generasi sekarang)," katanya.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional, berkata hubungan baik antara pelbagai kaum dapat menstabilkan negara, justeru negara dapat dibangunkan.

"Persefahaman dan hubungan baik ini hanya dapat dicapai jika kita semua, iaitu semua kaum di Malaysia, bersikap sederhana dan sanggup bergaul semasa bekerja, bermain dan dalam aktiviti sosial kita.

"Jika kita tidak bercampur gaul, maka kita tidak dapat faham budaya kaum-kaum lain dan kita tidak akan sensitif terhadap pantang larang mereka dan sensitiviti agama mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata jika rakyat Malaysia yang berbilang kaum tidak belajar hidup bersama semasa kecil lagi, mereka tidak akan dapat hidup berharmoni apabila mereka besar dan dewasa nanti.

"Hubungan antara kaum akan menjadi lemah dan mudah jadi tegang. Sedikit sahaja perselisihan antara kaum dan ia akan meletup.

"Kita lihat ini kerap berlaku di negara-negara berbilang kaum yang lain. Demikianlah buruknya hubungan antara kaum mereka sehingga peperangan sering berlaku yang tidak dapat dihentikan," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila satu kaum mempunyai orang yang ekstrim yang tidak menghormati perasaan kaum lain, maka kaum lain pula akan turut mengadakan kumpulan ekstrimnya sendiri.

Katanya rakyat Malaysia keseluruhannya hendaklah menjadikan perselisihan kaum yang tercetus pada 1969 sebagai satu iktibar.

"Kita bernasib baik kerana kita mempunyai pemimpin yang waras dan sederhana dalam Perikatan (sekarang Barisan Nasional) dan pemimpin-pemimpin ini dapat menenangkan keadaan. Jika tidak kerana hubungan dan persahabatan antara pemimpin Melayu dan Cina pada masa itu, tidak mungkin penyelesaian yang adil dicipta," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata yang dibimbangkan sekarang ialah sikap ekstrim satu kumpulan Cina boleh menyebabkan sokongan orang Melayu kepada ekstrimis Melayu dan parti Melayu yang keterlaluan, akan meningkat.

Beliau juga berkata kerajaan tidak mempunyai niat untuk menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan seperti yang diheboh-hebohkan oleh sesetengah pihak.

"Hanya yang kita ingin lihat ialah dalam aktiviti sukan dan perhimpunan, murid-murid sekolah dapat berjumpa, bercampur gaul dan

berinteraksi," katanya.

Beliau berkata ini akan mendedahkan anak-anak Melayu, Cina dan India kepada semua kaum dan bukan kepada kaum mereka sahaja dan apabila mereka membesar, maka dapatlah mereka menjadi rakyat Malaysia yang sedar dan toleran terhadap kaum-kaum yang terdapat di Malaysia.

-- BERNAMA

SR AT MAI